

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 7 November 2023



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA BAGI LAPORAN PERANGKAAAN DEMOGRAFI MALAYSIA, SUKU TAHUN KETIGA 2023**

---

### **KELAHIRAN HIDUP DAN KEMATIAN MASING-MASING MENURUN 2.8 PERATUS DAN 10.0 PERATUS PADA SUKU TAHUN KETIGA 2023**

**PUTRAJAYA, 7 NOVEMBER 2023** - Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan laporan berkaitan Perangkaan Demografi bagi suku tahun ketiga 2023. Laporan ini memaparkan data kelahiran hidup, kematian dan penduduk bagi suku tahun ketiga 2023.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Jumlah kelahiran hidup merekodkan penurunan sebanyak 2.8 peratus (110,354 kelahiran) berbanding suku tahun ketiga 2022 (113,506 kelahiran). Bayi lelaki melebihi perempuan dengan 57,260 kelahiran berbanding 53,094 kelahiran bayi perempuan. Selangor mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 20,648 kelahiran (18.7%) manakala jumlah kelahiran hidup terendah dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Labuan (375 kelahiran: 0.3%). Umur ibu 30-39 tahun merekodkan kelahiran hidup tertinggi pada suku tahun ketiga 2023 iaitu 54,451 (49.3%), diikuti oleh ibu berumur 20-29 tahun (44.0%), 40 tahun dan lebih (4.7%) dan kurang daripada 20 tahun (2.0%)".

Melayu menyumbang 67.3 peratus (74,202 kelahiran hidup) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun ketiga 2023 (ST3 2022: 68.2%). Kelahiran hidup bagi Cina dan India masing-masing menurun kepada 9.0 peratus dan 3.8 peratus berbanding 9.7 peratus dan 4.2 peratus pada suku tahun ketiga 2022. Manakala, Bumiputera Lain

merekodkan peningkatan kepada 14.2 peratus pada suku tahun ketiga 2023 (ST3 2022: 12.9%).

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, sebanyak 46,646 kematian telah direkodkan pada suku tahun ketiga 2023, penurunan sebanyak 10.0 peratus berbanding suku tahun ketiga 2022 (51,841 kematian). Bilangan kematian bagi lelaki adalah 26,520 manakala 20,126 kematian bagi perempuan. Pada tempoh yang sama, Selangor mencatatkan bilangan kematian tertinggi iaitu 7,217 kematian (15.5%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan bilangan kematian terendah dengan 72 kematian (0.2%). Dari segi umur, bilangan kematian umur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan tertinggi iaitu 32,417 kematian (69.5%), diikuti oleh umur 41-59 tahun (20.8%), umur 15-40 tahun (7.2%) dan umur 0-14 tahun (2.5%).

Melayu menyumbang 51.3 peratus (23,922 kematian) daripada jumlah kematian pada suku tahun ketiga 2023 (ST3 2022: 52.4%). Kematian bagi Bumiputera Lain dan Cina meningkat kepada 11.3 peratus dan 26.4 peratus pada suku tahun ketiga 2023 berbanding 10.7 peratus dan 25.8 peratus pada suku tahun ketiga 2022. Jumlah kematian bagi India kekal tidak berubah pada 8.3 peratus pada suku tahun ketiga 2023.

Sebagai tambahan, beliau juga menyatakan, "Penduduk Malaysia pada suku tahun ketiga 2023 dianggarkan 33.5 juta, meningkat 1.8 peratus berbanding suku tahun ketiga 2022 (32.9 juta). Penduduk lelaki meningkat daripada 17.2 juta kepada 17.5 juta berbanding suku tahun ketiga 2022 manakala perempuan meningkat daripada 15.7 juta kepada 16.0 juta bagi tempoh yang sama. Secara keseluruhan, nisbah jantina penduduk adalah 110 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala nisbah jantina bagi penduduk Warganegara adalah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan".

Mengulas lanjut, penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda) kekal tidak berubah pada 7.6 juta pada suku tahun ketiga 2023 berbanding suku tahun ketiga 2022. Sementara itu, komposisi penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja) meningkat daripada 22.9 juta kepada 23.4 juta berbanding suku tahun ketiga 2022. Komposisi


penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) meningkat daripada 2.4 juta kepada 2.5 juta bagi tempoh yang sama.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Kelahiran hidup dan kematian (bilangan dan kadar) mengikut suku tahun, 2010-2023<sup>p</sup>, Malaysia




Jadual 1: Statistik Demografi bagi suku tahun ketiga, 2022 dan 2023, Malaysia

Tahun	Jumlah		Lelaki		Perempuan	
	ST3 2022	ST3 2023	ST3 2022	ST3 2023	ST3 2022	ST3 2023
Penduduk (juta)	32.9	33.5	17.2	17.5	15.7	16.0
Kelahiran hidup	113,506	110,354	58,659	57,260	53,094	54,847
Kematian	51,841	46,646	29,405	26,520	22,436	20,126

Carta 2: Statistik Demografi suku tahun ketiga mengikut Kumpulan Etnik, 2022 dan 2023, Malaysia





Jadual 2: Penduduk Warganegara mengikut kumpulan etnik, suku tahun ketiga 2022 dan 2023, Malaysia

Kumpulan etnik	ST3 2022 (%)	ST3 2023 (%)
<b>Jumlah Penduduk Warganegara</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Bumiputera</b>	<b>70.0</b>	<b>70.1</b>
<b>Melayu</b>	<b>57.8</b>	<b>58.0</b>
<b>Bumiputera Sabah</b>	<b>4.7</b>	<b>4.7</b>
Kadazan/ Dusun	48.9	49.7
Bajau	42.6	42.2
Murut	8.5	8.1
<b>Bumiputera Sarawak</b>	<b>3.6</b>	<b>3.6</b>
Iban	67.6	67.8
Bidayuh	18.9	19.4
Melanau	13.5	12.8
<b>Bumiputera lain<sup>1</sup></b>	<b>3.9</b>	<b>3.8</b>
<b>Cina</b>	<b>22.8</b>	<b>22.6</b>
<b>India</b>	<b>6.6</b>	<b>6.6</b>
<b>Lain-lain</b>	<b>0.6</b>	<b>0.7</b>

Nota: <sup>1</sup> Merujuk kepada etnik Bumiputera selain daripada yang disenaraikan di atas.

Jadual 3: Kelahiran hidup mengikut kumpulan etnik, suku tahun ketiga 2022 dan 2023, Malaysia

Kumpulan etnik	ST3 2022 (%)	ST3 2023 (%)
<b>Jumlah Kelahiran Hidup</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Warganegara</b>	<b>96.3</b>	<b>95.6</b>
<b>Bumiputera</b>	<b>81.1</b>	<b>81.4</b>
<b>Melayu</b>	<b>68.2</b>	<b>67.3</b>
<b>Bumiputera Sabah</b>	<b>5.4</b>	<b>5.8</b>
Kadazan/ Dusun	51.7	50.8
Bajau	38.9	40.1
Murut	9.4	9.1
<b>Bumiputera Sarawak</b>	<b>3.9</b>	<b>4.2</b>
Iban	68.2	67.0
Bidayuh	18.6	20.0
Melanau	13.2	13.0
<b>Bumiputera lain<sup>1</sup></b>	<b>3.6</b>	<b>4.2</b>
<b>Cina</b>	<b>9.7</b>	<b>9.0</b>
<b>India</b>	<b>4.2</b>	<b>3.8</b>
<b>Lain-lain</b>	<b>1.4</b>	<b>1.3</b>
<b>Bukan warganegara</b>	<b>3.7</b>	<b>4.4</b>


Nota: <sup>1</sup> Merujuk kepada etnik Bumiputera selain daripada yang disenaraikan di atas.

Jadual 4: Kematian mengikut kumpulan etnik, suku tahun ketiga 2022 dan 2023, Malaysia

Kumpulan etnik	ST3 2022 (%)	ST3 2023 (%)
<b>Jumlah Kematian</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Warganegara</b>	<b>98.2</b>	<b>98.3</b>
<b>Bumiputera</b>	<b>63.1</b>	<b>62.6</b>
<b>Melayu</b>	<b>52.4</b>	<b>51.3</b>
<b>Bumiputera Sabah</b>	<b>4.2</b>	<b>4.3</b>
Kadazan/ Dusun	53.3	55.4
Bajau	38.0	37.8
Murut	8.7	6.8
<b>Bumiputera Sarawak</b>	<b>3.8</b>	<b>4.2</b>
Iban	68.9	68.9
Bidayuh	19.1	18.2
Melanau	12.0	12.9
<b>Bumiputera lain<sup>1</sup></b>	<b>2.7</b>	<b>2.8</b>
<b>Cina</b>	<b>25.8</b>	<b>26.4</b>
<b>India</b>	<b>8.3</b>	<b>8.3</b>
<b>Lain-lain</b>	<b>1.0</b>	<b>1.0</b>
<b>Bukan warganegara</b>	<b>1.8</b>	<b>1.7</b>

Nota: <sup>1</sup> Merujuk kepada etnik Bumiputera selain daripada yang disenaraikan di atas.

Carta 3: Transisi Demografi Malaysia, 1911-2022



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**7 NOVEMBER 2023**

*Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, November 7<sup>th</sup> 2023*



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

***MEDIA STATEMENT  
FOR THE REPORT OF DEMOGRAPHIC STATISTICS MALAYSIA,  
THIRD QUARTER 2023***

---

***LIVE BIRTHS AND DEATHS DECREASED 2.8 PER CENT AND  
10.0 PER CENT IN THIRD QUARTER 2023, RESPECTIVELY***

***PUTRAJAYA, 7<sup>th</sup> NOVEMBER 2023*** - Department of Statistics, Malaysia has released the report on Demographic Statistics for the third quarter 2023. This report presents statistics of live births, deaths and population in the third quarter 2023.

*In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The number of live births recorded a decrease of 2.8 per cent (110,354 births) as compared to the third quarter of 2022 (113,506 births). Males babies outnumbered females with 57,260 births as compared to 53,094 births for females. Selangor recorded the highest live births with 20,648 births (18.7%) while Wilayah Persekutuan Labuan recorded the lowest (375 births: 0.3%). Mothers aged 30-39 years recorded the highest live births in the third quarter 2023 which was 54,451 (49.3%), followed by mothers aged 20-29 years (44.0%), 40 years and over (4.7%) and less than 20 years (2.0%)".*

*Malay accounted 67.3 per cent (74,202 live births) of the total live births in the third quarter of 2023 (Q3 2022: 68.2%). Live births for Chinese and Indians decreased 9.0 per cent and 3.8 per cent as compared to 9.7 per cent and 4.2 per cent in the third quarter of 2022, respectively. Meanwhile, Other Bumiputera recorded an increase of 14.2 per cent in the third quarter of 2023 (Q3 2022: 12.9%).*

*The Chief Statistician further commented, a total of 46,646 deaths were recorded in the third quarter of 2023, decreased 10.0 per cent as compared to the third quarter of 2022 (51,841 deaths). The number of deaths recorded for males were 26,520 while 20,126 deaths for females. Selangor recorded the highest number of deaths with 7,217 deaths (15.5%) while Wilayah Persekutuan Putrajaya recorded the lowest with 72 deaths (0.2%) in the same period. In terms of age, the number of deaths for aged 60 and over recorded the highest number of deaths at 32,417 deaths (69.5%), followed by age 41-59 years (20.8%), age 15-40 years (7.2%) and age 0-14 years (2.5%).*

*Malay accounted for 51.3 per cent (23,922 deaths) of total number of deaths in the third quarter of 2023 (Q3 2022: 52.4%). Deaths for Other Bumiputera and Chinese increased 11.3 per cent and 26.4 per cent in the third quarter of 2023 as compared to 10.7 per cent and 25.8 per cent in the third quarter of 2022, respectively. The total death for Indians remained unchanged at 8.3 per cent in the third quarter of 2023.*

*In addition, he also commented that, "Malaysia's population in the third quarter 2023 was estimated at 33.5 million, an increase of 1.8 per cent as compared to the third quarter of 2022 (32.9 million). Males population increased from 17.2 million to 17.5 million as compared to the third quarter of 2022 while females increased from 15.7 million to 16.0 million in the same period. The overall sex ratio of population was 110 males per 100 females while sex ratio for Citizens was 103 males per 100 females".*

*Commenting further, the population aged 0-14 years old (young age) remained unchanged at 7.6 million in the third quarter of 2023 as compared to third quarter of 2022. Meanwhile, the composition of the population aged 15-64 years (working age) increased from 22.9 million to 23.4 million as compared to the third quarter of 2022. The composition of population aged 65 years and over (old age) increased from 2.4 million to 2.5 million during the same period.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agriculture Development”.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.*

Chart 1: Live births and deaths (number and rate) by quarterly, 2010-2023<sup>p</sup>, Malaysia






Table 1: Demographic statistics for third quarter, 2022 and 2023, Malaysia

Year	Total		Male		Female	
	Q3 2022	Q3 2023	Q3 2022	Q3 2023	Q3 2022	Q3 2023
Population (million)	32.9	33.5	17.2	17.5	15.7	16.0
Live births	113,506	110,354	58,659	57,260	53,094	54,847
Deaths	51,841	46,646	29,405	26,520	22,436	20,126



Chart 2: Demographic statistics third quarter by ethnic group, 2022 and 2023, Malaysia





Live births

- Malay
- Other Bumiputera
- Chinese
- Indians
- Others include Non-citizens



Deaths

- Malay
- Other Bumiputera
- Chinese
- Indians
- Others include Non-citizens




Table 2: Citizens by ethnic group, third quarter 2022 and 2023, Malaysia

Ethnic group	Q3 2022 (%)	Q3 2023 (%)
<b>Total Citizens</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Bumiputera</b>	<b>70.0</b>	<b>70.1</b>
<b>Malay</b>	<b>57.8</b>	<b>58.0</b>
<b>Bumiputera Sabah</b>	<b>4.7</b>	<b>4.7</b>
Kadazan/ Dusun	48.9	49.7
Bajau	42.6	42.2
Murut	8.5	8.1
<b>Bumiputera Sarawak</b>	<b>3.6</b>	<b>3.6</b>
Iban	67.6	67.8
Bidayuh	18.9	19.4
Melanau	13.5	12.8
<b>Other Bumiputera<sup>1</sup></b>	<b>3.9</b>	<b>3.8</b>
<b>Chinese</b>	<b>22.8</b>	<b>22.6</b>
<b>Indians</b>	<b>6.6</b>	<b>6.6</b>
<b>Others</b>	<b>0.6</b>	<b>0.7</b>

Note: <sup>1</sup> Refers to Bumiputera ethnic other than those listed above.

Table 3: Live births by ethnic group, third quarter 2022 and 2023, Malaysia

<b>Ethnic group</b>	<b>Q3 2022 (%)</b>	<b>Q3 2023 (%)</b>
<b>Total Live Births</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Citizens</b>	<b>96.3</b>	<b>95.6</b>
<b>Bumiputera</b>	<b>81.1</b>	<b>81.4</b>
<b>Malay</b>	<b>68.2</b>	<b>67.3</b>
<b>Bumiputera Sabah</b>	<b>5.4</b>	<b>5.8</b>
Kadazan/ Dusun	51.7	50.8
Bajau	38.9	40.1
Murut	9.4	9.1
<b>Bumiputera Sarawak</b>	<b>3.9</b>	<b>4.2</b>
Iban	68.2	67.0
Bidayuh	18.6	20.0
Melanau	13.2	13.0
<b>Other Bumiputera<sup>1</sup></b>	<b>3.6</b>	<b>4.2</b>
<b>Chinese</b>	<b>9.7</b>	<b>9.0</b>
<b>Indians</b>	<b>4.2</b>	<b>3.8</b>
<b>Others</b>	<b>1.4</b>	<b>1.3</b>
<b>Non-citizens</b>	<b>3.7</b>	<b>4.4</b>


Note: <sup>1</sup> Refers to Bumiputera ethnic other than those listed above.

Table 4: Deaths by ethnic group, third quarter 2022 and 2023, Malaysia

<b>Ethnic group</b>	<b>Q3 2022 (%)</b>	<b>Q3 2023 (%)</b>
<b>Total Deaths</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Citizens</b>	<b>98.2</b>	<b>98.3</b>
<b>Bumiputera</b>	<b>63.1</b>	<b>62.6</b>
<b>Malay</b>	<b>52.4</b>	<b>51.3</b>
<b>Bumiputera Sabah</b>	<b>4.2</b>	<b>4.3</b>
Kadazan/ Dusun	53.3	55.4
Bajau	38.0	37.8
Murut	8.7	6.8
<b>Bumiputera Sarawak</b>	<b>3.8</b>	<b>4.2</b>
Iban	68.9	68.9
Bidayuh	19.1	18.2
Melanau	12.0	12.9
<b>Other Bumiputera<sup>1</sup></b>	<b>2.7</b>	<b>2.8</b>
<b>Chinese</b>	<b>25.8</b>	<b>26.4</b>
<b>Indians</b>	<b>8.3</b>	<b>8.3</b>
<b>Others</b>	<b>1.0</b>	<b>1.0</b>
<b>Non-citizens</b>	<b>1.8</b>	<b>1.7</b>

Note: <sup>1</sup> Refers to Bumiputera ethnic other than those listed above.

Chart 3: Demographic transition, Malaysia, 1911-2022



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**7<sup>th</sup> NOVEMBER 2023**